PERUTUSAN GABENOR

Penstrukturan semula ekonomi serta pembaharuan sektor kewangan yang dilaksanakan dalam tempoh sedekad yang lalu telah memantapkan kedudukan Malaysia untuk mengurus cabaran luaran yang dihadapi pada tahun 2014. Usaha ini telah menambah baik asas makroekonomi Malaysia dan telah menghasilkan struktur ekonomi yang pelbagai. Walaupun sektor eksport kekal sebagai komponen penting ekonomi, permintaan dalam negeri kini telah menjadi pemacu pertumbuhan yang utama, diterajui oleh aktiviti sektor swasta yang kukuh. Permintaan dalam negeri yang teguh ini adalah hasil daripada peningkatan semula aktiviti pelaburan, khususnya oleh sektor swasta. Pelaburan swasta telah berkembang pada kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 15% sejak tahun 2010 dan kini berkembang dengan lebih menyeluruh merentas seluruh industri dan geografi. Struktur ekonomi yang diorientasikan semula ini juga mengurangkan pergantungan ekonomi dalam negeri pada sektor ekonomi tertentu. Yang penting, penstrukturan semula ekonomi ini diperkukuh oleh sistem kewangan yang lebih maju, berdaya tahan dan inklusif, yang mampu memenuhi keperluan ekonomi yang berubah-ubah dengan berkesan.

Pada tahun 2015, pemulihan ekonomi global yang lebih sederhana telah mewujudkan persekitaran yang lebih mencabar dalam ekonomi maju dan ekonomi yang sedang pesat membangun. Walaupun momentum pertumbuhan semakin kukuh dalam beberapa ekonomi, kelemahan dalam sesetengah ekonomi utama menunjukkan bahawa keadaan ekonomi global kekal mudah terjejas kepada risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Selain itu, penurunan harga minyak global yang ketara turut memberikan kesan yang berbeza-beza kepada ekonomi dunia. Momentum pertumbuhan tidak sekata yang sedang berlaku dalam ekonomi global telah meningkatkan prospek wujudnya perbezaan hala tuju dasar monetari dalam ekonomi maju. Perbezaan ini mengakibatkan peralihan dalam mudah tunai global dan ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa yang meningkat. Bagi ekonomi yang kecil dan sangat terbuka, ketidaktentuan aliran modal seperti ini menjadi cabaran dalam pelaksanaan dasar monetari kewangan yang bebas.

Berikutan tahap keterbukaan ekonomi dan sistem kewangan Malaysia, kita tidak akan terlindung daripada perkembangan global ini. Walau bagaimanapun, struktur ekonomi yang pelbagai dan asas-asas yang kukuh telah meningkatkan daya tahan ekonomi dan telah meletakkan Malaysia pada landasan pertumbuhan yang stabil. Pada tahun 2015, pertumbuhan ekonomi dijangka terus didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang dipacu sektor swasta, dengan sedikit sokongan daripada pengembangan eksport. Meskipun sektor perlombongan dan komoditi memainkan peranan penting dalam ekonomi, pertumbuhan dijangka berterusan dengan peningkatan yang menyeluruh dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan pembinaan, yang mencakupi

lebih dua pertiga daripada ekonomi. Pelaburan juga didorong oleh perbelanjaan modal yang semakin meningkat oleh sektor swasta yang bukan berkaitan tenaga dan perusahaan awam. Prospek inflasi yang lebih rendah dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan juga akan terus menyokong perbelanjaan isi rumah pada tahun itu.

Dalam persekitaran ini, tumpuan strategi pengurusan ekonomi adalah pada usaha menangani bidang-bidang yang mempunyai kelemahan, serta membina daya tahan ekonomi. Ini bertujuan untuk memastikan Malaysia akan terus mempunyai fleksibiliti untuk bertindak dan mengurus cabaran-cabaran tersebut apabila berlakunya kejutan. Langkah-langkah bersasaran merupakan sebahagian daripada strategi yang telah dilaksanakan bagi membendung lebihan dalam pasaran harta tanah dan untuk mengurangkan tahap keberhutangan isi rumah. Beberapa siri langkah ini, yang dilaksanakan sejak tahun 2010, kini telah mula memberikan hasil. Di samping itu, pembaharuan fiskal termasuk rasionalisasi subsidi, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta komitmen terhadap konsolidasi juga telah menambah baik kedudukan fiskal, di samping memastikan pertumbuhan ekonomi tidak tergugat. Bagi sektor luar negeri, walaupun akaun semasa imbangan pembayaran dipengaruhi oleh harga komoditi yang lebih rendah, namun kesannya adalah kurang ketara. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh struktur eksport dan pasaran yang lebih pelbagai termasuk eksport perkhidmatan. Oleh yang demikian, meskipun harga komoditi menurun dengan ketara, imbangan akaun semasa dijangka turut mencatat lebihan.

Dalam jangka masa lebih panjang, daya tahan ekonomi Malaysia terus diperkukuh berikutan pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan dan penambahbaikan keinstitusian. Usaha-usaha ini telah menyumbang ke arah kewujudan persekitaran ekonomi yang lebih berdaya saing, yang didorong oleh pempelbagaian dalam aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi. Tunggak utama daya tahan ekonomi ini ialah sistem kewangan yang disokong oleh sistem perbankan yang berdaya tahan dan pasaran kewangan yang lebih maju. Keadaan mudah tunai domestik yang lebih daripada mencukupi dalam persekitaran ini telah memudahkan pembiayaan aktiviti ekonomi dalam negeri. Oleh yang demikian, tiada pergantungan yang berlebihan terhadap pendanaan luaran. Dengan kestabilan kewangan yang terpelihara, tidak terdapat sebarang gangguan kepada proses pengantaraan. Agenda rangkuman kewangan juga telah mencapai kemajuan pada tahun 2015. Semua lapisan masyarakat, khususnya perniagaan kecil dan isi rumah berpendapatan rendah telah diberikan akses kepada perkhidmatan kewangan, sekali gus meningkatkan penyertaan mereka dalam ekonomi.

Dengan mengambil kira risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan dan tekanan harga yang lebih lemah, teras dasar monetari adalah untuk kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi, di samping memberikan tumpuan yang berterusan pada risiko ketidakseimbangan kewangan. Bagi menguruskan cabaran-cabaran ini, Bank telah bergantung pada alat-alat dasar yang lebih meluas, yang merangkumi langkah-langkah kehematan mikro dan makro bersasaran, yang turut dilengkapi lagi oleh langkah-langkah yang menyokong pertumbuhan. Langkah-langkah sokongan pertumbuhan seperti ini yang diambil oleh bahagian-bahagian lain dalam sektor awam termasuk pemberian bantuan kepada segmen yang lemah dalam ekonomi, khususnya kepada perusahaan kecil dan sederhana serta isi rumah yang berpendapatan rendah. Selain itu, pasaran kewangan

yang lebih maju telah mengantara dengan lebih baik aliran modal yang besar dan tidak menentu. Khususnya, keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing adalah penting untuk memudahkan perdagangan antarabangsa dan aliran pelaburan asing.

Pada tahun 2014, beberapa kemajuan penting telah dicapai dalam bidang integrasi dan kerjasama kewangan serantau. Yang paling ketara ialah usaha untuk meningkatkan keberkesanan pengantaraan kewangan dalam rantau ini apabila Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ASEAN Banking Integration Framework, ABIF) dimuktamadkan. Tahun hadapan merupakan suatu tempoh penting bagi ASEAN kerana rantau ini akan bergerak semakin hampir untuk mencapai hasrat menjadi satu komuniti ekonomi apabila ekonomi dan sistem kewangan serantau menjadi lebih bersepadu. Dalam hal ini, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2015 akan memberikan tumpuan pada keberkesanan pelaksanaan ABIF, memajukan integrasi sistem pembayaran runcit di seluruh ASEAN, dan meningkatkan rangkuman kewangan sebagai keutamaan dasar bagi rantau ini. Kerjasama bank pusat dalam rantau ini juga terus memainkan peranan besar untuk mengurus cabaran ekonomi global. Forum kerjasama serantau termasuk Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP), Mesyuarat Bank Pusat ASEAN, dan platform yang disediakan oleh Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (South East Asian Central Banks Research and Training Centre, SEACEN) telah membolehkan peningkatan perkongsian maklumat, pengumpulan sumber, pembinaan keupayaan secara kolektif, dan potensi untuk penyelarasan dan tindakan dasar secara bersama. Selain itu, arkitektur kewangan serantau untuk kestabilan kewangan dan jaring keselamatan kewangan serantau adalah mantap. Ini termasuk Pengaturan Swap ASEAN, Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai dan Jawatankuasa Kestabilan Monetari dan Kewangan EMEAP.

Pada tahun 2014, Bank terus mencapai kemajuan dalam usaha meluaskan peluang-peluang bagi aktiviti bernilai lebih tinggi dalam sistem kewangan, terutamanya untuk membangunkan persekitaran yang diperlukan dalam Pasaran Kewangan Islam dan mengukuhkan ekosistem untuk urus niaga pelbagai mata wang, termasuk pelantikan sebuah bank penjelasan Renminbi. Bank juga telah berjaya dalam bidaannya untuk menjadi tuan rumah bagi ibu pejabat Persekutuan untuk Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI), dan pejabat serantau Bank Dunia di bangunan Sasana Kijang. Kejayaan ini meningkatkan lagi peranan Malaysia dalam agenda menyokong pembangunan serantau dan global.

Pada tahun 2014, Bank terus menitik berat dan meningkatkan keupayaan organisasi. Ini bertujuan untuk memastikan pengurusan strategik, risiko, tenaga mahir dan kewangan yang teguh bagi mempertingkat prestasi organisasi. Usaha-usaha ini termasuk pengawasan risiko yang lebih baik, program untuk meningkatkan kecekapan teknikal, selain pembangunan kepimpinan untuk mengurus barisan kepimpinan penggantian. Dalam persekitaran luaran yang mencabar, pemahaman yang jelas di seluruh organisasi tentang tujuan dan fokus Bank adalah penting bagi memastikan keberkesanan fungsi dan prestasi Bank. Pada tahun ini, Bank akan melaksanakan pelan urusan yang ketiga untuk tempoh 3 tahun.

Dedikasi dan kegigihan kakitangan Bank adalah penting bagi mencapai keberkesanan yang berterusan dalam usaha Bank memenuhi mandatnya. Bagi pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan, saya ingin merakamkan penghargaan kepada kakitangan Bank atas komitmen mereka yang teguh untuk memenuhi tanggungjawab dan memelihara kesejahteraan ekonomi dan kewangan negara kita.
Saya juga amat berterima kasih kepada Lembaga Pengarah atas sokongan serta bimbingan mereka yang berterusan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Datuk Oh Siew Nam dan Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang bin Mohd. Nor, dua orang ahli lembaga pengarah Bank yang telah tamat penggal perkhidmatan mereka pada bulan Februari 2015, atas sokong dan sumbangan mereka yang tidak berbelah bahagi kepada Bank sepanjang dua dekad yang penuh dengan cabaran. Bank beriltizam untuk terus berusaha ke arah mencapai piawaian yang tertinggi dalam kecemerlangan profesional demi memenuhi mandat yang diamanahkan kepadanya, dan untuk terus unggul sebagai organisasi yang berkhidmat untuk negara.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
11 Mac 2015